

→ BISNES

ISU @CYBER

Peranti pintar bantu pelajar menipu, meniru

→ Teknologi moden disalah guna hanya merugikan masa depan

CYBER BH

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Laman sosial penulis baru-baru ini disesakkan dengan beberapa sahabat berkongsi video lakonan taktik meniru dalam peperiksaan yang diamalkan di Jepun.

Memang diakui ada taktik yang dipaparkan pernah digunakan sebilangan kecil pelajar ketika menduduki peperiksaan di universiti atau lebih dikenali sebagai 'toyol' dalam kalangan pelajar.

Namun, kecanggihan teknologi kini pastinya membuatkan tugas guru dan pengawas peperiksaan lebih mencabar

dalam membongkar taktik moden serta licik yang diguna pakai generasi muda cekik IT untuk aktiviti tidak bermaruah itu.

Jika dulu pen 'James Bond' disisip helaian kertas formula, hirisan pemadam atau pakatan sulit berkongsi jawapan antara taktik lapuk yang mudah dikesan pengawas peperiksaan. Bagaimanapun, pula dengan kaedah canggih Gen-X masa kini?

Jumlah pelajar meniru melonjak
Minggu lalu, Polis Thailand mengadakan sidang media untuk membuka kertas siasatan terhadap lima suspek yang menipu peperiksaan bagi permohonan kemasukan kolej perubatan, pergigian dan farmasi di Rangsit University, Daerah Pathum Thani.

Berdasarkan akhbar tempatan *The Nation*, peperiksaan dibatalkan sebaik sahaja penyelia dewan mengesan tiga calon menerima jawapan untuk soalan peperiksaan terbabit menerusi jam pintar.

Dua suspek pula dikesan menggunakan cermin mata pintar berkamera untuk merakam soalan di kertas peperiksaan dan menghantarnya secara tanpa wayar terus ke internet untuk dibantu tutor masing-masing.

Walaupun pihak polis belum mengenakan dakwaan ke atas suspek bagi



Tidak kira jika kita tak benarkan mereka bawa telefon, jam tangan pintar atau sebagainya saya yakin ia tetap tidak akan menyelesaikan masalah ini"

Dr Mohammad Shatar Sabran,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia

menjalankan siasatan terperinci, ia menjadi petunjuk tahap serius kesahan dan tindakan undang-undang ke atas suspek menipu serta meniru dalam peperiksaan.

Di Amerika Syarikat contohnya, Dartmouth College menggantung 64 pelajar disyaki meniru pada tahun lalu, manakala pada 2014 University of Georgia melaporkan 603 aktiviti penipuan peperiksaan dengan 70 peratus daripadanya mengaku salah.

Skandal penipuan peperiksaan turut berlaku di Harvard pada 2012 yang menyiasat 125 pelajar mengambil peperiksaan akhir kelas kerajaan, selain kes dilaporkan di Stanford University, Upstate Medical University New York, Duke University dan Indiana University.

Perketat undang-undang

Selain telefon pintar, pelajar dikesan menggunakan cermin mata pintar, jam pintar, berkommunikasi antara calon peperiksaan menggunakan bluetooth-earbuds, penggunaan iPod nano dan pelbagai lagi.

Berdasarkan pengalaman penulis menghadiri pameran teknologi termaju antarabangsa, diakui ada beberapa peralatan dan perkakasan yang boleh digunakan untuk menghalang aktiviti licik penipuan peperiksaan.

Antaranya, penggunaan signal-jam-

mer mampu menghapuskan liputan telemunikasi secara sementara dan kamera CCTV termaju yang mampu mengetahui pasti riak wajah serta emosi pelajar dalam skop yang luas.


Namun, benarlah kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, yang juga pakar Sosial Malaysia, menegaskan langkah seperti itu tidak akan berhasil.

Katanya, walaupun pelbagai bentuk bahan atau teknologi digunakan untuk menyekatnya, pelajar yang mahu meniru pasti mencari jalan atau kaedah licik yang sangat kreatif dan sukar dikesan.

"Tidak kira jika kita tak benarkan mereka bawa telefon, jam tangan pintar atau sebagainya saya yakin ia tetap tidak akan menyelesaikan masalah ini."

"Saya juga setuju tindakan undang-undang diperketatkan, selain melaksanakan tindakan tata tertib dengan tegas supaya pelajar akur meniru jelas menjadi kesalahan besar," katanya.

Justeru, hasrat penulis membongkar rahsia yang sudah sekian lama terbuka itu bukanlah untuk memberi idea menggalakkan aktiviti tidak bermaruah, cuma berharap pelajar sedar dan berhenti memperjudikan masa depan mereka dengan meniru.



Antara gajet dan kaedah yang digunakan pelajar Rangsit University, Daerah Pathum Thani untuk menjawab peperiksaan yang didekah Polis Thailand.